

04/02/2005

Tsunami tidak jejas industri pelancongan serantau

By Tuan Nazuri Tuan Ismail

MESYUARAT Menteri Pelancongan Asean ke-8 sempena Forum Pelancongan Asean (ATF) ke-24 di Langkawi, minggu lalu, memberi mesej jelas kepada dunia bahawa rantau ini selamat dilawati walaupun dilanda bencana alam paling dahsyat abad ini.

Mereka juga mengakui tsunami yang melanda pada 26 Disember lalu membawa kemusnahan dan mengorbankan ratusan ribu mangsa, terutama di wilayah Aceh, Indonesia. Namun, Menteri Pelancongan Asean sepakat bahawa kawasan yang terjejas itu hanya kecil dan tidak memberi kesan besar kepada industri pelancongan di rantau ini.

Pemimpin yang mewakili 10 negara di rantau ini juga berpendapat negara luar perlu lebih bertanggungjawab dan bersikap adil dalam mengeluarkan amaran perjalanan kepada rakyatnya, dengan merujuk kepada pihak berkuasa negara terbabit terlebih dulu.

Kenyataan itu adalah antara kandungan hasil perbincangan 10 menteri dan timbalan menteri pelancongan Asean yang bermesyuarat dua hari yang antara lain membincangkan kesan tsunami terhadap industri pelancongan di rantau ini.

Dalam hal ini, Menteri Pelancongan Asean mahu media antarabangsa membuat laporan tepat, adil dan peka dengan persekitaran Asean. Perkara itu penting untuk mengelak industri pelancongan di rantau ini yang menawarkan kepelbagaian etnik, budaya dan agama, tidak terjejas.

"Kenyataan yang tidak tepat dan benar akan memberi kesan bukan saja kepada industri pelancongan di negara berkenaan, malah kepada rantau ini secara keseluruhan," kata Menteri Pelancongan, Datuk Dr Leo Michael Toyad yang membacakan kenyataan bersama dikeluarkan pada hari terakhir mesyuarat itu.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan Indonesia, Jero Wacik, antara yang paling mendapat tumpuan pada mesyuarat ini menegaskan, media antarabangsa tidak seharusnya membuat laporan sewenang-wenangnya tanpa merujuk kepada pihak berkuasa negara terbabit.

Katanya, wilayah Aceh yang mengalami kemusnahan teruk selepas dilanda tsunami hanya mewakili 10 peratus daripada keluasan negara itu. Ia juga bukan kawasan tumpuan utama pelancong asing, tetapi laporan yang dibuat media antarabangsa seolah-olah menggambarkan keseluruhan Indonesia tidak selamat dilawati.

"Kami menerima banyak bantuan dari seluruh pelusuk dunia. Kami juga memerlukan bantuan media antarabangsa untuk membawa pulang pelancong ke Indonesia," katanya yang tidak putus-putus diajukan soalan berhubung kesan tsunami terhadap sektor pelancongan di negara itu.

Kenyataan Wacik itu menggambarkan media antarabangsa tidak memberi gambaran tepat mengenai kejadian itu sehingga menimbulkan ketakutan kepada pelancong dari Barat, seolah-olah rantau ini terdedah kepada ancaman penganas.

Timbalan Menteri Sukan dan Pelancongan Thailand, Krirk-krai Jirapaet, juga berpendirian sama seperti Indonesia yang mahu media lebih bertanggungjawab dalam membuat laporan kerana sedikit kesilapan akan meletakkan industri pelancongan keadaan bahaya.

Sesungguhnya tsunami adalah malapetaka hebat yang melanda rantau ini dan diakui seluruh dunia. Tetapi, bencana alam itu sebenarnya tidak memberi kesan besar kepada industri pelancongan di rantau ini dalam jangka masa panjang.

Kesannya hanyalah dirasakan pada akhir Disember lalu dan Januari tahun ini. Industri pelancongan dijangka berada pada landasan betul bermula bulan ini, sekali gus meningkatkan kedatangan pelancong antarabangsa ke rantau ini.

Tahun lalu, rantau ini mencatatkan kedatangan pelancong asing seramai 43.9 juta, meningkat 35.1 peratus berbanding 32.5 juta orang pada tahun sebelumnya.

Malaysia mendahului negara Asean lain dengan mencatatkan kedatangan 14.4 juta pelancong asing dalam tempoh Januari hingga November, meninggalkan Thailand dengan 8.5 juta dan Singapura dengan 8.3 juta orang.

Sejumlah 50 peratus pelancong di rantau ini datang dari negara Asean sendiri, selain pelancong dari Asia (29 peratus), Eropah (11 peratus), Amerika (lima peratus), Australia/Pasifik (empat peratus) dan Asia Barat (satu peratus).

Kedatangan pelancong dari benua lain sukar untuk dijangka.

Bagi mengelak industri pelancongan rantau ini menderita ketika berlaku peperangan atau wabak penyakit, negara anggota Asean bersetuju untuk memudahkan kemasukan urusan masuk rakyat negara serantau menggunakan visa tunggal.

Bagaimanapun, persetujuan itu belum dapat dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana setiap negara mempunyai dasar dan peraturan masing-masing untuk menjaga keselamatan negara mereka dan urusan kemasukan rakyat asing ini juga membabitkan kementerian lain.

Di Malaysia, contohnya, urusan kemasukan rakyat asing perlu dirujuk ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, manakala Indonesia dikendalikan oleh Kementerian Kewangan.

Penggunaan kad pintar bercip yang memuatkan identiti pemegangnya yang boleh digunakan rakyat Malaysia, Singapura dan Brunei untuk memasuki ketiga-tiga negara ini tanpa pasport antarabangsa, juga tidak dapat dilaksanakan dalam waktu terdekat kerana memerlukan kajian teliti.

Semua cadangan untuk memudahkan kemasukan pelancong Asean ke negara di rantau ini bertujuan mengurangkan kebergantungan terhadap pelancong dari benua lain yang aliran kemasukan sukar dijangka.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucap tama pada Persidangan Pelancongan Asean sempena ATF itu berkata, industri pelancongan Asean tidak akan terlalu menderita ketika dunia berdepan dengan peperangan kerana pelancong Asean bebas bergerak ke negara Asean lain, jika menggunakan visa tunggal.

ATF ke-24 yang menarik penyertaan lebih 1,500 peserta, termasuk penjual dan pembeli produk pelancongan juga menghasilkan Deklarasi Langkawi yang mahu negara Asean terus bekerjasama memelihara keamanan dan kesejahteraan bagi memastikan rantau Asean terus unggul sebagai destinasi pelancongan mega dengan menawarkan kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang sukar ditemui di benua lain.

(END) Source : Berita Harian